

Ruj. Kami : PERB.PRJ(PELB.).09.172.Jld.2 ()
Tarikh : 16 Rabiulakhir 1443H
21 November 2021



MAJLIS DAERAH SIK

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA ATAS TALIAN (ONLINE)

Majlis Daerah Sik mempelawa kontraktor-kontraktor Bumiputera yang telah berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih dibenarkan untuk membeli dan membuat tawaran masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

Jabatan yang mengeluarkan sebutharga	Kod Bidang	Tajuk Projek	Tarikh Pembelian & Tarikh Tutup Sebutharga	Harga Sebutharga
Majlis Daerah Sik	G1	MDS/PERB/SH/25/2021: Cadangan Projek Pengindahan Di Bandar Sik, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman CE14 & CE21	Tarikh Pembelian Sebutharga Pada 23/11/2021 Hingga 29/11/2021	RM 30.00 Senaskah
	G2	MDS/PERB/SH/26/2021: Cadangan Menaiktaraf Projek Pencahayaan Di Bandar Sik, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman E11	Tarikh Tutup Sebutharga Pada 29/11/2021 Jam 12.00 Tengahari	

2. Berikutan daripada pelaksanaan **Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 bagi negeri Kedah**, lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Pihak kontraktor dibenarkan untuk membuat lawatan tapak projek berkenaan secara persendirian sahaja. Oleh itu, peringatan amalan penjarakan Hanya kontraktor yang telah meter hendaklah dipatuhi serta penggunaan *Facemask* perlu digunakan ketika lawatan projek tersebut.

3. Pihak kontraktor yang berdaftar dengan pihak Majlis Daerah Sik bagi tahun 2021 sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen sebutharga tersebut secara atas talian (*online*). Kontraktor yang tidak berdaftar dengan Majlis Daerah Sik tidak dibenarkan untuk membeli dokumen sebutharga tersebut.

4. **Pembelian dokumen sebutharga boleh dilakukan secara *Walk-in* terus ke kaunter Unit Hasil Majlis Daerah Sik** dan untuk pembelian secara atas talian (*online*), pihak kontraktor boleh membuat pembayaran secara bank in di mesin *Cash Deposit Mesin (CDM)* atau boleh membeli secara *online transfer* melalui transaksi *online banking*.

5. Bayaran boleh disalurkan ke akaun Majlis Daerah Sik seperti berikut :-

Bank	: Bank Islam Berhad
No. Akaun	: 02132010000392
Jumlah (RM)	: RM 30.00 (Senaskah)
Remarks	: MDS/PERB/SH/25/2021 atau MDS/PERB/SH/26/2021

6. Pihak kontraktor perlu menyertakan bukti pembelian dokumen sebutharga tersebut bersama *remarks* sebutharga yang hendak dibeli oleh pihak kontraktor. Bukti pembelian sama ada resit atau *screenshot* resit tersebut boleh terus dihantar kepada Majlis Daerah Sik melalui *email tender@mdsik.gov.my* untuk pengesahan pembelian tersebut.

7. Pihak kontraktor perlu menyatakan didalam *email* berkenaan **nama penuh pengurus syarikat, no. sebutharga dan no. telefon** yang boleh dihubungi.

8. Setelah mendapat pengesahan pembelian daripada pihak Majlis Daerah Sik, pihak kontraktor boleh menyemak *email* masing-masing untuk memuat turun (*download*) dokumen sebutharga tersebut.

9. Pihak kontraktor perlu melampirkan sekali dokumen-dokumen berikut semasa menyerahkan sebutharga tersebut seperti salinan Sijil Akaun Pendaftaran daripada **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, salinan Sijil Akaun Pendaftaran daripada **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, salinan Sijil Pendaftaran **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan salinan **Penyata Bank Tiga (3) Bulan** yang terkini bersama dokumen sebutharga yang lengkap.

10. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah ditutup dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan terang **tarikh tutup, no sebutharga dan tajuk sebutharga** dan boleh di pos terus ke alamat berikut:-

**Majlis Daerah Sik
08200 Sik
Kedah Darul Aman**

11. Tarikh tutup sebutharga ini ialah pada **29 November 2021 jam 12.00 tengahari**. **Majlis Daerah Sik** tidak akan melayan sebarang kelewatan pengeposan dokumen sebutharga tersebut.

MAJLIS DAERAH SIK TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA SEBUTHARGA YANG PALING RENDAH ATAU SEBARANG SEBUTHARGA.



**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIK
KEDAH DARUL AMAN**

- s.k. :
- a) Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)
No. 2, Jalan 9/10, Persiaran Usahawan
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan
(u.p: Muhammad Fendi bin Mustafa)
 - b) Ketua Jabatan Kejuruteraan
Majlis Daerah Sik
 - c) Ketua Jabatan Perancangan, Pembangunan dan Landskap
Majlis Daerah Sik
 - d) Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Daerah Sik